



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 14 TAHUN 2006

PERUBAHAN NAMA SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU AM RENDAH DAN PEMANDU KENDERAAN BERMOTOR

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai perubahan nama skim perkhidmatan Pembantu Am Rendah dan Pemandu Kenderaan Bermotor.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan peredaran dan perubahan persekitaran, pemakaian nama skim perkhidmatan Pembantu Am Rendah dan Pemandu Kenderaan Bermotor didapati tidak lagi bersesuaian. Sehubungan itu, kerajaan bersetuju supaya nama skim perkhidmatan Pembantu Am Rendah dan Pemandu Kenderaan Bermotor diubah. Lain-lain perbekalan di dalam kedua-dua skim perkhidmatan ini dikekalkan.

PERUBAHAN NAMA SKIM PERKHIDMATAN

3. Nama skim perkhidmatan Pembantu Am Rendah Gred N1, N4 yang berkuat kuasa di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dipinda daripada Pembantu Am Rendah kepada **Pembantu Am Pejabat**. Nama skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan Bermotor yang juga berkuat kuasa di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 pula dipinda daripada Pemandu Kenderaan Bermotor kepada **Pemandu Kenderaan**. Perubahan nama-nama skim perkhidmatan ini adalah seperti di [Lampiran A](#) dan [B](#) dan format iklan adalah seperti di [Lampiran A2](#) dan [B1](#).

PELAKSANAAN

4. Mulai tarikh kuat kuasa kedua-dua skim perkhidmatan ini semua lantikan sebagai Pembantu Am Pejabat dan Pemandu Kenderaan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan baru ini dan syarat lantikan yang ditetapkan dipatuhi.

5. Ketua Jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai perubahan nama jawatan pada Waran Perjawatan sedia ada.

TARIKH KUAT KUASA

6. Tarikh kuat kuasa nama skim perkhidmatan Pembantu Am Pejabat dan Pemandu Kenderaan yang baru ini ialah mulai **1 Januari 2007**.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pembantu Am Rendah dan Pemandu Kenderaan Bermotor yang berkuat kuasa melalui 1 November 2002 adalah dibatalkan dan digantikan dengan skim perkhidmatan dalam pekeliling perkhidmatan ini.

PEMAKAIAN

8. Peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

4 Disember 2006

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan.